

Suara Masyarakat Sivil Semakin Lesu Melalui Bersih 3.0?

Bernama

25 April , 2012

Oleh Mikhail Raj Abdullah

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Langkah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang segera melaksanakan cadangan yang disyorkan Jawatankuasa Pilihan Khas (PSC) berhubung dengan penambahbaikan proses pilihan raya adalah sesuatu yang patut dibanggakan oleh setiap rakyat Malaysia yang berfikiran waras.

SPR telah menerima banyak kritikan, khususnya daripada pembangkang, berhubung beberapa isu seperti pembelian undi, penipuan undi dan pembersihan senarai daftar pemilih.

Namun, ia perlu diberikan pujian kerana telah menghormati apa yang dicadangkan oleh PSC kerana realitinya suruhanjaya bertanggungjawab untuk memenuhi harapan rakyat bagi pilihan raya yang adil dan saksama.

Dalam tempoh sembilan bulan sejak perhimpunan Bersih 2.0 diadakan, SPR telah melaksanakan apa yang boleh dikatakan sesuatu yang tidak pernah dilakukan sebelum ini untuk menambah baik sistem pilihan raya bagi menjamin kredibiliti kotak undi.

Pada 2008, pembangkang mencatatkan kejayaan luar jangkaan, merampas lima negeri dan menafikan Barisan Nasional (BN) majoriti dua pertiga di Parlimen, memaksa Perdana Menteri Tun Abdullah Badawi meletakkan jawatan akhirnya.

Pada awal-awal kemenangan mengejutkan itu, Pembangkang secara tiba-tiba tidak mendapati wujud sebarang masalah dengan proses pilihan raya ataupun dengan SPR. Semua itu mudah untuk diteka.

Tetapi ketika kiraan detik untuk pilihan raya umum ke-13 semakin hampir, secara tiba-tiba sekali lagi pelbagai tuduhan dilemparkan terhadap SPR dan kerajaan.

Dakwaan kononnya SPR dan kerajaan sekali lagi menjadi "penyangak" untuk menafikan pembangkang dan rakyat untuk pilihan raya yang bebas dan adil, kini mendominasi ceramah-ceramah pembangkang.

Sembilan bulan lepas, pembangkang dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) mengadakan perhimpunan Bersih buat kali kedua untuk menanamkan rasa sangsi di fikiran rakyat mengenai kewibawaan SPR.

Sungguhpun Parlimen telah mengambil tindakan terhadap rungutan mereka, pembangkang yang mendominasi kumpulan-kumpulan aktivis yang sama, segera mengumumkan perhimpunan Bersih 3.0, kali ini duduk berhimpun di kawasan ikonik Dataran Merdeka, yang pastinya akan menarik perhatian media.

Cadangan mereka untuk "menduduki" mercu tanda kemerdekaan negara itu dilihat lebih bermotifkan politik walaupun penganjur menegaskan ia tiada kaitan dengan politik.

PSC yang ditubuhkan kerajaan dalam usaha untuk menambah baik proses pilihan raya telah merundingi pelbagai kumpulan dan pihak, dan malahan turut memasukkan anggota pembangkang sebagai anggota jawatankuasa itu. Cadangan-cadangan PSC itu menyerlahkan keikhlasan dan keberanian kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam melakukan transformasi politik negara.

Daripada mengiktiraf penambahbaikan dalam proses pilihan raya itu, malahan jika pun tanpa rela, pembangkang tetap memilih untuk memperbesar-besarkan dakwaannya terhadap SPR dan kerajaan dengan cara meluahkan rasa tidak puas hati mereka itu di jalanan.

Namun pendirian berlawanan pembangkang itu pastinya menimbulkan kesangsian terhadap kredibiliti Bersih, umumnya dianggap sebagai pergerakan perjuangan rakyat.

Adakah rakyat yang menyokong Bersih dan pemimpinnya Datuk Ambiga Sreenevasan telah secara halus diperdaya untuk menyokong pembangkang dalam menganjurkan satu lagi protes?

Kerajaan telah melaksanakan tuntutan asal Bersih dan malahan telah mengambil langkah lebih jauh lagi, seperti yang dapat dilihat menerusi pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan beberapa Ordinan Darurat, serta memberikan lebih kebebasan kepada rakyat dalam proses itu.

SPR mahupun kerajaan tidak sepatutnya didesak sehingga tidak boleh berbuat apa-apa. Komitmen mereka untuk melakukan pembaharuan - menyuburkan lagi demokrasi baik dalam jangka waktu pendek dan jangka waktu panjang -- sepatutnya digalakkan dan disokong dan bukan ditolak mentah-mentah oleh pembangkang dalam percaturannya untuk memancing undi.

Adalah sesuatu yang menyedihkan sekiranya protes Bersih itu dipergunakan oleh pembangkang untuk agenda dan faedah politiknya sendiri. Dengan itu suara masyarakat sivil, yang didakwa diwakili Bersih, dilihat memberi ruang kepada retorik dan helah pembangkang untuk kepentingan politik mereka.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=661863>